

08/04/2001

Calon jangan guna nama pemimpin: Dr M

Azmi Md Deros; Jalal Ali Rahim

IPOH: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan calon Umno yang ingin bertanding merebut jawatan dalam pemilihan peringkat bahagian bulan ini agar tidak menggunakan nama pemimpin tertinggi parti sebagai 'tiket' untuk menang.

Presiden Umno berkata, nama beliau dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak sepatutnya dikaitkan untuk menyokong calon tertentu dalam pemilihan itu.

Calon yang ingin bertanding perlu menggunakan kelebihan diri masing-masing, iaitu kecemerlangan menjalankan tugas untuk menarik sokongan perwakilan dan bukannya menggunakan pengaruh nama pemimpin tertentu.

"Saya sudah buat kenyataan semalam, saya dan Datuk Seri Abdullah Badawi tidak terbabit dengan menyokong atau pun menentang mana-mana calon.

"Masing-masing mestilah berkempen atas prestasi diri sendiri dan bukan bergantung kepada mana-mana nama," katanya pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, di sini, semalam sebelum mengakhiri lawatan dua harinya ke Perak.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali; Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, pemimpin parti politik serta pegawai kanan kerajaan.

Dr Mahathir kemudiannya berlepas dengan helikopter ke Gua Musang, Kelantan.

Terdahulu, beliau bersarapan dengan Ahli Jawatankuasa Perhubungan Umno Perak dan mengadakan pertemuan dengan Penaja Puteri Umno Perak.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya menyokong calon yang boleh menjalankan tugas dengan baik demi kebaikan parti dan negara.

"Saya nak orang yang terbaik...orang yang tak guna cara-cara yang tak diizinkan untuk menjadi ketua. Kalau tak perform (berkhidmat dengan baik) esok orang buanglah," katanya.

Ditanya mengenai hasil lawatannya ke Perak kelmarin, Dr Mahathir berkata, beliau mengambil kesempatan melalui perjumpaan tertutup itu untuk menjelaskan kepada ahli parti mengenai isu semasa serta masalah yang dihadapi oleh Umno.

Kelmarin, Perdana Menteri mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli jawatankuasa Umno bahagian Parit Buntar dan Bagan Serai pada sebelah pagi, manakala petangnya dengan Umno bahagian Parit dan Beruas.

Beliau berkata, lawatannya ke dua bahagian itu juga bertujuan mengubati kekecewaan Umno yang tewas dalam pilihan raya umum lalu sekali gus menyuntik semangat baru untuk merampas kembali kerusi berkenaan.

Beliau juga berdialog dengan pemimpin dan ahli Umno untuk mengetahui sebarang masalah yang mereka hadapi serta mencari penyelesaiannya.

Ditanya sama ada lawatannya itu dapat menolong ahli Umno mematahkan dakyah serta fitnah yang dilemparkan parti lawan, Dr Mahathir berkata:

"Kita telah menjelaskan tentang perkara yang dibangkitkan parti lawan kerana kita lihat parti lawan hanya menumpukan kepada tuduhan tak berasas dengan tujuan menimbulkan kebencian kepada kerajaan.

"Kalau orang benci kerajaan, maka dengan itu orang akan sokong mereka walaupun mereka (pembangkang) tidak ada rancangan apa pun dan tidak ada rekod yang baik yang dicapai oleh mereka tentang kebolehan mereka membangunkan tempat yang mereka memerintah."

Mengenai perkembangan siasatan terhadap dakwaan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman berlakunya politik wang

dalam Umno bahagian Kuantan dan laporan polis terhadap Khalil yang juga bekas Menteri Besar Pahang, Dr Mahathir berkata:

"Kita dah siasat. Kita tunggu sehingga siasatan itu selesai dan apabila kita dapat laporan pada masa itu kita akan timbang laporan itu dan kita akan tentukan tindakan yang akan kita ambil," katanya.

(END)